

MARKAH PENUH : 100 MARKAH

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1: **8** markah

Soalan 2: **6** markah

Soalan 3: **11** markah

Soalan 4: **4** markah

Soalan 5: **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata adjektif** dan **kata hubung** yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan **kata adjektif** dan **kata hubung** tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata adjektif dan kata hubung telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata adjektif dan kata hubung salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata adjektif dan kata hubung yang ditambah, digugurkan atau ditukarkan imbuhan, berikan 0 markah.
8. Kata adjektif dan kata hubung digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
9. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
10. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
11. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

Kata adjektif

- (i) baharu
 - membaiaki (melakukan sesuatu,mengubah)
 - mengulangi lagi
 - memulakan sesuatu semula
 - menggantikan atau menukar (sesuatu) dengan yang baru atau yang mempunyai kuat kuasa yang baru
- (ii) rendah
 - tidak jauh jaraknya dari bawah
- (iii) indah
 - indah,bagus,benar,elok,molek

Kata hubung

- (i) sejak
- (ii) kerana
- (iii) dan

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

Subjek : Keselamatan dalam persekitaran sekolah

Predikat : adalah sangat penting kepada semua warga dan pelawat yang mengunjungi sekolah.

Subjek : Pihak sekolah

Predikat : perlu mempunyai pelan pencegahan dan kecemasan yang sesuai untuk menjayakan konsep sekolah yang selamat.

Subjek : Pelan keselamatan sekolah yang komprehensif

Predikat : merangkumi pelaporan jenayah sekolah, kesedaran awam tentang keselamatan dan persepsi masyarakat terhadap keselamatan.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

Bil	Salah	Betul	Kesalahan bahasa
1	adalah	ialah	tatabahasa
2	pisiologi	fisiologi	ejaan
3	berkerja	bekerja	imbuhan
4	pembesaran	tumbesaran	istilah
5	mempengaruh	mempengaruhi	imbuhan
6	pada	kepada	tatabahasa
7	penyakit bawaan	bawaan penyakit	tatabahasa

Nota : Jawapan tidak semestinya mengikut urutan

[Maksimum : 6 markah]

Bahan 2

Bil	Salah	Betul	Kesalahan bahasa
1	Tips	Tip	ejaan
2	Tangkas	Bijak/Pandai	istilah
3	pemakanan	makanan	imbuhan
4	disukai anda	anda sukai	tatabahasa
5	alkhohol	alkohol	ejaan

Nota : Jawapan tidak semestinya mengikut urutan

[Maksimum : 5 markah]

Panduan pemarkahan menukar bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Terdengar khabar/berita di Melaka bahawa Cau Pandan telah/sudah meninggal dunia, sakit muntah darah, dadanya ibarat/seperi terkena panah. Sultan Muzaffar Syah telah mendengar berita/khabar itu, lalu baginda bertitah, “Benarlah Tuan Sidi Arab ini hamba yang suci.”

Baginda memuji-muji Tuan Sidi Arab itu dan menganugerahinya/dianugerahkan dengan selayaknya.

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

1. seperti isi dengan kuku
 - bagi dakwat dengan kertas
2. musuh dalam selimut
 - api dalam sekam

- gunting dalam lipatan
3. bagai aur dengan tebing
- berat sama dipikul ringan sama dijinjing
 - hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
 - serumpun bak serai, sesusun bak sirih
 - ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni/bukit sama didaki, lurah sama dituruni
 - bulat air kerana pembetung bulat manusia kerana muafakat/muafakat membawa berkat

****Terima mana-mana jawapan yang sesuai**

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada :

Soalan 6 : **13 markah**

Soalan 7 : **12 markah**

Soalan 8 : **10 markah**

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah : Pemahaman teks dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (2 isi) / relevan dengan tugasan / ayat gramatis	3
- Isi cukup (2 isi) / relevan dengan tugasan / ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugasan / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugasan / ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6

i) Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud rangkai kata *perlu bangga*.

- mesti/harus/patut/pasti megah/besar hati [2 markah]

- mesti bangga [1 markah]
- perlu megah/besar hati [1 markah]

ii) Dengan merujuk semua bahan, nyatakan langkah-langkah untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan murid.

[4 markah]

Bahan 1

- P1 Kita seharusnya mempunyai kefahaman terhadap sistem pentadbiran negara. 1
- P2 Kita juga perlu bangga sebagai rakyat Malaysia 1
- P3 Seorang rakyat juga sewajarnya memiliki perasaan sayang akan negara 1

Bahan 2

- P4 Pihak kerajaan hendaklah menjalankan kempen secara besar-besaran dalam memupuk semangat patriotik antara masyarakat. 1
- P5 Semangat patriotik juga perlu dipupuk bermula dari bangku sekolah. 1

Bahan 3

- P6 Ibu bapa harus menyuntik semangat patriotik dalam jiwa anak-anak. 1

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

iii) Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang akan berlaku sekiranya kita tidak mempunyai semangat patriotik dalam diri?

[3 markah]

- P1 politik negara tidak stabil 1
- P2 berlaku campur tangan kuasa luar dalam pentadbiran 1
- P3 kedaulatan/ kemerdekaan negara tergugat/ mudah dijajah 1
- P4 negara tidak membangun/ekonomi terjejas/merosot 1
- P5 hasil ekonomi dieksplotasi orang luar/ kuasa asing 1

P6 negara kucar-kacir/ huru-hara
(kesan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

1

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

iv) Sebagai seorang murid yang berjiwa patriotik, apakah tindakan-tindakan anda untuk menangani masalah ini. **[4 markah]**

- | | | |
|----|---|---|
| P1 | menasihati/menegur mereka agar tidak melakukan perkara tersebut | 1 |
| P2 | melaporkan kepada guru disiplin atau guru kelas | 1 |
| P3 | membawa berjumpa guru kaunselor | 1 |
| P4 | memaklumkan kepada ibu bapa mereka | 1 |
| P5 | menerangkan kepentingan/kebaikan menjaga Jalur Gemilang | 1 |

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

SOALAN 7 – PETIKAN SASTERA

SKEMA

- i. Maksud *meminggirkan amanah*
- Mengetepikan/mengesampingkan kepercayaan/tanggungjawab 2
 - Meminggirkan kepercayaan/tanggungjawab 1
 - Mengetepikan amanah 1
- ii. Kesan-kesan

Bahan 1

- | | | |
|----|---|---|
| P1 | mengejar kemewahan / godaan harta benda | 1 |
| P2 | lupa diri | 1 |
| P3 | lupa tanggungjawab | 1 |
| P4 | hilang budi bahasa dan budi pekerti | 1 |

Bahan 2

- | | | |
|----|------------------------------------|---|
| P1 | memberi tekanan kepada keluarganya | 1 |
|----|------------------------------------|---|

Bahan 3

P1	Reputasi dan imej syarikat terjejas	1
P2	Moral kakitangan merosot	1
P3	Status sebagai majikan terpilih tercemar	1
P4	Kesan buruk kepada nilai saham	1
P5	Hubungan dengan pihak berkuasa tidak baik	1

Nota : Jawapan calon mestalah daripada bahan 1 dan bahan 2**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]**iii. **Punca-punca/ faktor-faktor rasuah**

P1	kurang didikan agama	1
P2	masalah ketulusan sistem pentadbiran negara/ undang-undang yang longgar	1
P3	pihak berkuasa tidak serius menangani gejala rasuah	1
P4	tekanan/desakan hidup/kos hidup yang tinggi	1
P5	gaji yang rendah.	1
P6	masalah birokrasi dalam pentadbiran	1
P7	kelemahan kepimpinan	1
P8	peluang menerima rasuah terbuka	1

Nota : Faktor-faktor lain yang sesuai diterima**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]**iv. **Tindakan-tindakan:**

P1	menolak pemberian wang/hadiah	1
P2	memberi nasihat/ teguran	1
P3	memberi amaran yang keras supaya tidak mengulangi perbuatan tersebut	1
P4	melaporkan kepada pihak atasan/ pihak berkuasa	1
P5	menyebar luas tentang kesan negatif amalan rasuah	1
P6	menularkan di media sosial	1

Nota : Tindakan lain yang sesuai diterima**[Maksimum : 4 markah]**

[Isi cukup : 3 isi]

SOALAN 8(i)

Strategi peperangan tentera Jepun dalam misi meluaskan kuasanya ialah:

- | | |
|---|---|
| P1 menghebahkan serangan akan dilakukan melalui Singapura | 1 |
| P2 Tuan telah mengirim ramai perisik ke Tanah Melayu | 1 |
| P3 semboyan “Asia untuk orang Asia” | 1 |

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

SOALAN 8(ii)

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA KARYA ABDUL LATIP TALIB

PERISTIWA : Peristiwa Pak Saidi bertanggungjawab memberikan pendidikan agama, ilmu seni mempertahankan diri dan pendidikan formal kepada ketiga-tiga orang anaknya.

HURAIAN : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang bapa yang mengambil berat terhadap pendidikan anak-anak.

PERISTIWA : Peristiwa Leftenan Adnan bertanggungjawab menghantar Sophia dan anak-anaknya pulang ke kampung apabila mendapat berita bahawa Jepun akan menyerang Singapura.

HURAIAN : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang suami/bapa/ketua keluarga dalam memastikan keselamatan ahli keluarga.

PERISTIWA : Peristiwa Leftenan Adnan berhempas pulas melawan tentera Jepun dan beliau bertanggungjawab memastikan keselamatan anggota tenteranya.

HURAIAN : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang ketua dalam mempertahankan tanah air daripada serangan musuh.

PERISTIWA : Peristiwa Leftenan Adnan cedera parah dan hampir kalah tetapi beliau tidak berundur dan mengalah dalam perang di Bukit Candu.

HURAIAN : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab dalam diri anggota tentera yang sanggup berkorban untuk mempertahankan negara.

TIRANI KARYA BEB SABARIAH

PERISTIWA : Peristiwa Waheeda bertanggungjawab menjadi pengurus Syarikat Tajau Emas dan beliau telah gigih berusaha untuk memajukan Inap Desa bersama-sama keluarganya untuk tujuan pelancongan.

HURAIAN : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang wanita yang gigih berusaha untuk memajukan diri dalam bidang perniagaan.

PERISTIWA : Peristiwa Raidah yang bertanggungjawab ke Singapura untuk menjaga Waheeda ketika menjalani pembedahan.

HURAIAN : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang ibu terhadap kesihatan ahli keluarga dapat mengukuhkan hubungan kekeluargaan.

PERISTIWA : Peristiwa Waheeda bertanggungjawab meluaskan perniagaannya dengan membuka inap desa Aya-Sajinah di Cameron Highland.

HURAIAN : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang wanita yang berjaya dalam perniagaan walaupun menempuh kegagalan dalam berumah tangga.

****Terima mana-mana peristiwa tanggungjawab yang sesuai**

BAHAGIAN C: RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi – **20 markah**
(b) Bahasa – **10 markah**

- (a) **Isi [20 markah]**

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh

- angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
- gelaran
- penanda wacana

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa
 (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
 (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
 (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
 (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima											Markah maksimum
(i) Pendahuluan												2	
(ii) Isi Bahan 1													
Fokus 1 (Kebaikan/Faedah/Kelebihan/Manfaat)	4	4	4	4	3	3	3	2	2	2	1	16	
Fokus 2 (Langkah/ Usaha/Cara)	3	1	1	1	3	2	2	3	3	2	3		
(iii) Isi Bahan 2													
Fokus 1 (Kebaikan/Faedah/Kelebihan/Manfaat)	1	1	2	1	1	1	1	2	2	1	2		
(iv) Isi Bahan 3													
Fokus 2 (Langkah/ Usaha/Cara)	1	1	1	2	1	2	1	1	2	2	2		
Jumlah Isi	11	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8		
(v) Penutup / Kesimpulan												2	
Jumlah Markah													20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8-10 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5-7 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat baik • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3-4 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1-2 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan/ kurang atau tidak difahami

Nota:

- Jika menjawab dalam bentuk poin/ fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual)
- Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan [2markah]

- | | | |
|-----------|--|---|
| P1 | Rumusan/ petikan/bahan membincangkan cara-cara/langkah-langkah/ kaedah-kaedah/usaha-usaha memupuk amalan berbudi bahasa dan kesan negatif/ kesan buruk/ implikasi negatif/ implikasi buruk / keburukan tidak mempraktikkan / tidak mengamalkan amalan berbudi bahasa. | 2 |
| P2 | Rumusan/ petikan/bahan membincangkan cara-cara/langkah-langkah/ kaedah-kaedah/usaha-usaha memupuk amalan berbudi bahasa | 1 |
| P3 | Rumusan/ petikan/bahan membincangkan kesan negatif/kesan buruk/ implikasi negatif/ implikasi buruk / keburukan tidak mempraktikkan / tidak mengamalkan amalan berbudi bahasa. | 1 |

Isi [16 markah]

FOKUS 1 - cara-cara/langkah-langkah/kaedah-kaedah/usaha-usaha memupuk amalan berbudi bahasa

Bahan 1

- | | | |
|-----------|---|---|
| A1 | Setiap individu perlu memupuk amalan berbudi bahasa dan diaplikasikan pada setiap masa | 2 |
| A2 | Setiap anggota masyarakat wajar membina persekitaran yang baik dengan orang sekeliling | 2 |
| A3 | Anggota masyarakat perlu mempertahankan peranan yang didukung oleh amalan berbudi Bahasa. | 2 |
| A4 | perlu berbudi bahasa semasa menjalankan tugas bersama pelanggan. | 2 |

Bahan 2

- | | | |
|-----------|---|---|
| B1 | Kita perlu bertegur sapa dan hormat menghormati antara satu sama lain | 2 |
|-----------|---|---|

Bahan 3

- | | | |
|-----------|---|---|
| C1 | Kita perlu sayang menyayangi antara satu sama lain | 2 |
| C2 | Kita perlu menimba ilmu pengetahuan, mengamalkan akhlak yang baik | 2 |

FOKUS 2 - kesan negatif/kesan buruk/ implikasi negatif/ implikasi buruk / keburukan tidak mempraktikkan / tidak mengamalkan amalan berbudi bahasa

Bahan 1

- | | | |
|-----------|---|----------|
| D1 | komunikasi yang tidak berhemah terjadi | 2 |
| D2 | mengeruhkan suasana hubungan sesama sendiri | 2 |
| D3 | amalan budi bahasa kian terhakis dan tidak menjadi budaya dalam kalangan masyarakat | 2 |
| D4 | adab berbahasa dan berkomunikasi semakin tidak beretika | 2 |
| D5 | bangsa kita akan luntur jati diri. | 2 |
| D6 | Seseorang itu akan dilabelkan rendah moralnya | 2 |

Bahan 3

- | | | |
|-----------|---|----------|
| E1 | Masyarakat luar akan memandang serong | 2 |
| E2 | Pembangunan negara akan terbantut/ tidak membangun | 2 |
| E3 | Ekonomi negara terjejas, rakyat hidup menderita/ merana | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- | | | |
|-----------|---|----------|
| K1 | Kesimpulannya, amalan berbudi bahasa hendaklah disemai/ disuburkan/ dipupuk agar/ supaya dipandang mulia sepanjang zaman. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, amalan berbudi bahasa hendaklah disemai/ disuburkan/ dipupuk agar/ supaya melahirkan generasi yang bersahsiah mulia. | 2 |
| K3 | Kesimpulannya, amalan berbudi bahasa hendaklah disemai/ disuburkan/ dipupuk. | 1 |

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

